

24 JUL 2000

SAPURA-IT/

SAPURA SUMBANG RM2 JUTA KEPADA KERUSI PENYELIDIKAN

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Kumpulan Sapura, yang menyambut ulangtahunnya yang ke 25 dan meraikan bangunan korporat baru yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, mengumumkan sumbangan kumpulan itu sebanyak RM2 juta untuk dua kerusi penyelidikan teknologi di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Kumpulan itu menyumbangkan RM1 juta setiap satu kepada Kerusi Sapura bagi Teknologi Maklumat (IT) dan Kerusi Sapura bagi Pentadbiran Dasar Teknologi di institut pengajian tinggi itu, kata presiden dan ketua pegawai eksekutifnya, Datuk Sharil Shamsuddin malam ini.

Berucap di majlis pelancaran "Bangunan Sapura @ Mines" di Seri Kembangan dekat sini, Shahril berkata Kerusi Sapura bagi Teknologi Maklumat akan digunakan untuk mempergiatkan pembangunan inovasi serta kreativiti dalam IT menerusi biasiswa, penyelidikan dan pembangunan produk.

Kerusi kedua pula akan bertindak untuk memupuk kepimpinan dalam pentadbiran dan pelaksanaan dasar-dasar teknologi yang bersesuaian dengan semua sektor ekonomi, tambahnya.

Shahril berkata sumbangan itu akan lebih daripada membayar balik apabila universiti itu memenuhi keperluan cendekiawan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Masa depan teknologi kita terletak dalam memperbanyakkan MSC dengan bakat semula jadi cerdik pandai dan profesional dalam bidang IT," katanya.

Beliau juga berkata kejayaan dan pertumbuhan ekonomi telah menghasilkan dua cabaran, iaitu teknologi yang menghindar ideologi yang bertunas dalam budaya yang sedikit sebanyak asing kepada rakyat Malaysia, dan perdagangan yang bebas daripada sempadan etika.

Kumpulan Sapura, yang diperbadankan pada 1975 mempunyai tiga anak syarikat

-- Sapura Telecommunications Bhd, Sapura Motors Bhd dan Uniphone Telecommunications Bhd -- kesemuanya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Kumpulan tersebut mempunyai seramai 2,200 pekerja dengan pejabat-pejabat di luar negara seperti Singapura, Thailand, Pakistan, China dan Filipina.

-- BERNAMA

MSL MFJ MA